

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 14.3.2016

SOALAN :

Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah wujud dalam perancangan kementerian untuk menjadikan subjek Pendidikan Islam dan moral sebagai subjek wajib di peringkat sekolah rendah dan menengah sebagai satu penyelesaian kepada masalah sosial yang begitu tinggi dalam kalangan remaja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) telah menetapkan mata pelajaran Pendidikan Islam sebagai mata pelajaran teras untuk peringkat menengah dan wajib dipelajari oleh setiap murid Islam peringkat pra sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah. Matlamat kurikulum Pendidikan Islam ialah membina dan membentuk insan yang berilmu, beriman, bertakwa, beramal soleh, berakhlak mulia dan berketrampilan berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah, serta menyumbang ke arah mempertingkatkan tamadun bangsa dan negara

serta kesejahteraan alam demi mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat.

Manakala Pendidikan Moral juga merupakan mata pelajaran teras untuk murid bukan Islam mengikut Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Mata pelajaran Pendidikan Moral yang diperkenalkan kepada murid bukan Islam di peringkat sekolah rendah dan menengah bertujuan untuk membentuk insan yang berakhlak mulia, bertanggungjawab dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global. Melalui mata pelajaran ini, nilai seperti kepercayaan kepada tuhan, harga diri, rasional, toleransi, kasih sayang, mematuhi peraturan dan undang-undang, dan sebagainya diajar kepada pelajar sebagai satu cara untuk menerapkan tingkahlaku murid yang terpuji dan mempunyai nilai akidah yang tinggi.

Selain melaksanakan langkah pencegahan masalah sosial dalam kalangan murid melalui aktiviti kurikulum, pihak sekolah juga turut mengadakan ceramah-ceramah khas bagi menangani masalah sosial dan jenayah dengan melibatkan kepakaran pihak luar termasuk pihak polis. Manakala perkhidmatan kaunseling di sekolah dilakukan secara lebih berfokus kepada permasalahan sosial murid.